



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN TAHAP MOTIVASI GURU SEBAGAI PERANTARA TERHADAP TAHAP PENGUASAAN MURID DI KLUSTER SEKOLAH AMANAH DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORAZILA BINTI OSMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN TAHAP MOTIVASI GURU
SEBAGAI PERANTARA TERHADAP TAHAP PENGUASAAN MURID
DI KLUSTER SEKOLAH AMANAH DI
MALAYSIA**

NORAZILA BINTI OSMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

| |
|---|
| |
| |
| |
| ✓ |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada16..... (hari bulan) OKTOBER (bulan) 2023.

Perakuan pelajar:

Saya, NORAZILA BINTI OSMAN, P20191000489 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis/disertasi yang bertajuk AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN TAHAP MOTIVASI GURU SEBAGAI PERANTARA TERHADAP TAHAP PENGUASAAN MURID DI KLUSTER SEKOLAH AMANAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya MEJAR DR KAMARUL BAHARI B. YAAKUB dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN TAHAP MOTIVASI GURU SEBAGAI PERANTARA TERHADAP TAHAP PENGUASAAN MURID DI KLUSTER SEKOLAH AMANAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah.

16/10/23

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Mejar Dr. Kamarul Bahari Yaakub
Penyiarah Kanan
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN TAHAP MOTIVASI GURU
SEBAGAI PERANTARA TERHADAP TAHAP PENGUASAAN MURID
DI KLUSTER SEKOLAH AMANAH DI MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: P20191000489

Saya / I: NORAZILA BINTI OSMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

16/10/23

Tarikh: _____

Major Dr. Kamorul Behari Yaakub
 Penyayang Kanan
 Fakulti Pengurusan dan Bisnes
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT atas segala rahmat dan kasih sayangNya. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah alhamdulillah alhamdulillah. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya tesis ini berjaya disiapkan meskipun berhadapan dengan pelbagai dugaan dan cabaran yang menguji kekuatan mental dan fizikal. Sesungguhnya pengalaman menyiapkan tesis ini amat berharga dan takkan dilupakan selagi hayat dikandung badan.

Jutaan penghargaan buat penyelia utama Mejar Dr Kamarul Bahari b. Yaakub serta penyelia bersama, Prof Madya Dr Khalip b. Musa atas bimbingan, nasihat, motivasi dan teguran selama ini. Segala budi baik kalian hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya.

Tidak terungkap penghargaan buat bonda tercinta, Abidah bt. Mohd Said dan anak-anak kesayangan, Luqman Hakim Al-Hafiz, Nur Umairah, Luqman Imran Al-Hakim dan Luqman Muhammad Hariz atas doa, sokongan dan dorongan tidak berbelah bahagi kalian. Berkat doa tanpa hijab bonda dan doa tulus anakanda kesayangan jiwa, akhirnya impian jadi kenyataan. Sesungguhnya, tidak akan terbalas segala pengorbanan kalian. Tidak akan pernah lupa, almarhum ayahanda tercinta, Osman b. Ibrahim yang tidak sempat menyaksikan perjuangan anakandanya ini namun semangat kental ayahanda kekal utuh dalam jiwa anakanda. Sesungguhnya, tanpa ayahanda, bonda, anakanda berempat serta adinda semua diri ini bukan sesiapa.

Tidak akan pernah terlupa rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral dan motivasi terutamanya Dr Dayang Rafidah Syariff M. Fuad sepanjang pengajian dan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua warga pendidik Sekolah Amanah kohort 2016 dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini.

Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua telah menghadiahkan saya sesuatu yang amat bernilai dalam hidup saya. Harapan saya, semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang. Aamin.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji amalan pengurusan sekolah dan tahap motivasi guru sebagai perantara terhadap tahap penguasaan murid di kluster Sekolah Amanah di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh amalan pengurusan berdasarkan Standard Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru dan tahap penguasaan murid Sekolah Amanah. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 209 guru dari 14 buah Sekolah Amanah kohort 2016 seluruh Malaysia terlibat dalam kajian ini. Analisis Faktor Penerokaan (EFA) digunakan untuk pengurangan data dan pengesanan struktur bagi setiap boleh ubah. Perisian *Partial Least Square- Structural Equation Modelling* (PLS- SEM) dan statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan amalan pengurusan sekolah berdasarkan Standard dan Amalan Sekolah Amanah berada pada tahap tinggi iaitu pada nilai purata skor 4.25. Tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah juga tinggi dengan nilai purata skor 3.78. Sementara itu, tahap motivasi guru di Sekolah Amanah mencatat nilai purata skor 4.17 iaitu pada tahap tinggi. Kajian turut mendapati bahawa amalan pengurusan sekolah tidak mempengaruhi tahap penguasaan murid (*Nilai β* = 0.144, *t*= 1.441). Walaubagaimanapun, amalan pengurusan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap motivasi guru di Sekolah Amanah (*Nilai β* = 0.747, *t*= 22.018). Motivasi guru juga dibuktikan sebagai perantara antara amalan pengurusan sekolah dan tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah. Implikasi kajian menunjukkan bahawa peranan motivasi adalah penting dalam menjayakan amalan pengurusan sekolah dalam meningkatkan tahap penguasaan murid. Selain daripada itu, Standard Amalan Sekolah Amanah perlu ditambah baik agar tahap penguasaan murid dapat ditingkatkan. Dapatkan kajian ini turut memberikan perspektif baharu dalam bidang pengurusan pendidikan yang menjurus kepada amalan pengurusan di Sekolah Amanah.





THE INFLUENCE OF SCHOOL MANAGEMENT PRACTICES AND TEACHER MOTIVATION AS MEDIATOR ON STUDENT MASTERY IN TRUST SCHOOLS IN MALAYSIA

ABSTRACT

The aim of this study is to investigate school management practices and the level of teacher motivation as mediator and student mastery level of Trust School clusters. The study objectives are to identify the influence of school management practices based on the Trust School Standard Practices (TSSP) on teacher motivation and student mastery level in Trust Schools. This research employed a quantitative approach using a survey method. A total of 209 teachers from 14 Trust Schools in the 2016 cohort across Malaysia participated in this study. Exploratory Factor Analysis (EFA) was used for data reduction and structure identification for each variable. Partial Least Square-Structural Equation Modelling (PLS-SEM) software and descriptive statistics were utilized for data analysis. The study findings indicate that the implementation level of school management practices based on the TSSP is high, scoring an average score of 4.25. Student mastery level in Trust Schools is also high, with an average score of 3.78, while teacher motivation in Trust Schools is notably high, with an average score of 4.17. Interestingly, the study reveals that school management practices based on the TSSP do not significantly influence student mastery level ($\beta= 0.144$, $t= 1.441$). However, these practices have strong influence on teacher motivation in Trust Schools ($\beta= 0.747$, $t= 22.018$). Teacher motivation is also identified as a mediator between school management practices and student mastery level in Trust Schools. The implications of the study highlight the crucial role of motivation in the successful implementation of school management practices based on the TSSP in enhancing student mastery. Additionally, there is a need for improvements in the TSSP to elevate student mastery level. This research offers a fresh perspective in the field of educational management, particularly within the context of Trust Schools.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|------------------------------------|-----|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |



| | |
|---|-------|
| SENARAI JADUAL | xvii |
| SENARAI RAJAH | xxiii |
| SENARAI SINGKATAN | xxv |
| SENARAI LAMPIRAN | xxvii |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2.1 Program Sekolah Amanah | 7 |
| 1.2.2 Proses Pemilihan Sekolah Amanah | 10 |
| 1.2.3 Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA) | 13 |





| | | |
|--------------|---|----|
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 19 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 27 |
| 1.5 | Soalan Kajian | 27 |
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 28 |
| 1.7 | Kerangka Teori Kajian | 28 |
| 1.8 | Kerangka Konsep Kajian | 29 |
| 1.9 | Kepentingan Kajian | 30 |
| 1.10 | Batasan Kajian | 31 |
| 1.11 | Definisi Operasional | 32 |
| 1.11.1 | Standard dan Amalan Sekolah Amanah | 32 |
| 1.11.1.1 | Membangunkan Kepimpinan dan Pengurusan Berkualiti Tinggi | 33 |
| 1.11.1.2 | Menambahbaik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran | 33 |
| 1.11.1.3 | Memaksimumkan Potensi dan Pencapaian Murid | 34 |
| 1.11.1.4 | Mengukuhkan Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti & Pihak Berkepentingan | 34 |
| 1.11.2 | Tahap penguasaan Murid | 35 |
| 1.11.3 | Motivasi Guru | 37 |
| 1.12 | Rumusan | 38 |
| BAB 2 | TINJAUAN LITERATUR | 39 |
| 2.1 | Pendahuluan | 39 |
| 2.2 | Konsep Amalan Kualiti Secara Umum | 39 |





| | |
|---|----|
| 2.3 Kajian tentang TQM dalam konteks pendidikan | 41 |
| 2.3.1 TQM di sekolah | 46 |
| 2.3.2 TQM di Sekolah Amanah | 47 |
| 2.4 Standard Kualiti Pendidikan Di Malaysia | 54 |
| 2.5 PPPM (2013-2025) dan Program Sekolah Amanah | 57 |
| 2.5.1 Kementerian Pendidikan Malaysia | 60 |
| 2.5.2 Pemberian Autonomi | 65 |
| 2.5.3 Autonomi Pengurusan Kurikulum | 66 |
| 2.5.3.1 Autonomi Pengurusan Jadual Waktu Dan Kalendar Persekolahan | 69 |
| 2.5.3.2 Autonomi Polisi Berkaitan Murid | 70 |
| 2.5.3.3 Autonomi Pengurusan Sumber Manusia | 73 |
| 2.5.3.4 Autonomi Pengurusan Kewangan Peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus(ABM) | 77 |
| 2.5.3.5 Autonomi Pengurusan Perolehan | 80 |
| 2.5.4 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah | 86 |
| 2.6 Sekolah Amanah di Luar Negara | 87 |
| 2.7 Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA) di Malaysia | 88 |
| 2.7.1 Matlamat Strategik Standard dan Amalan Sekolah Amanah | 92 |





| | |
|--|-----|
| 2.7.2 Perkaitan Matlamat Strategik Standard dan Amalan Sekolah Amanah dengan 11 Anjakan dalam PPPM 2013-2025 | 180 |
|--|-----|

| | |
|---|-----|
| 2.8 Rangka Kerja Program Sekolah Amanah | 181 |
|---|-----|

| | |
|---------------------------------------|-----|
| 2.8.1 Fasa Pelaksanaan Sekolah Amanah | 186 |
|---------------------------------------|-----|

| | |
|--------------------|-----|
| 2.8.1.2 Akreditasi | 187 |
|--------------------|-----|

| | |
|--|-----|
| 2.9 Perkaitan antara Standard Kualiti Pendidikan Malaysia dan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 191 |
|--|-----|

| | |
|-------------------|-----|
| 2.10 Teori Sistem | 201 |
|-------------------|-----|

| | |
|--|-----|
| 2.10.1 Teori Sistem dan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 202 |
|--|-----|

| | |
|---|-----|
| 2.11 Teori Penetapan Matlamat (Goal Theory) | 203 |
|---|-----|

| | |
|-------------------------------|-----|
| 2.11.1 Tahap penguasaan Murid | 204 |
|-------------------------------|-----|

| | |
|--|-----|
| 2.11.2 Teori Penetapan Matlamat dan Tahap Penguasaan Murid | 205 |
|--|-----|

| | |
|---------------------|-----|
| 2.12 Teori Herzberg | 209 |
|---------------------|-----|

| | |
|--------------------|-----|
| 2.12.1 Penghargaan | 210 |
|--------------------|-----|

| | |
|----------------|-----|
| 2.12.2 Tugasan | 211 |
|----------------|-----|

| | |
|----------------------------------|-----|
| 2.12.3 Perkembangan professional | 211 |
|----------------------------------|-----|

| | |
|----------------------|-----|
| 2.12.4 Tanggungjawab | 212 |
|----------------------|-----|

| | |
|-------------------|-----|
| 2.12.5 Pencapaian | 212 |
|-------------------|-----|

| | |
|------------------------|-----|
| 2.12.6 Faktor kepuasan | 212 |
|------------------------|-----|

| | |
|---------------|-----|
| 2.13 Motivasi | 213 |
|---------------|-----|

| | |
|---|-----|
| 2.13.1 Konsep Motivasi Dalam Pendidikan | 213 |
|---|-----|





| | |
|---|-----|
| 2.13.2 Teori Herzberg dan Motivasi Guru Sekolah Amanah | 214 |
| 2.14 Pembentukan Hipotesis | 217 |
| 2.14.1 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid. | 217 |
| 2.14.2 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah Terhadap Motivasi Guru | 219 |
| 2.14.3 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah Terhadap Tahap penguasaan Muird Serta Motivasi Sebagai Perantara | 220 |
| 2.15 Rumusan | 221 |
| BAB 3 METODOLOGI | 223 |
| 3.1 Pengenalan | 223 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 224 |
| 3.2.1 Reka Bentuk Kajian | 224 |
| 3.2.2 Populasi dan Sampel | 227 |
| 3.3.1 Populasi Kajian | 227 |
| 3.3.2 Sampel Kajian | 228 |
| 3.3.2.1 Penentuan Saiz Sampel | 229 |
| 3.3.2.2 Teknik Pensampelan | 232 |
| 3.4 Instrumen Kajian | 233 |
| 3.4.1 Pembinaan dan Pengukuran Instrumen Kajian | 235 |
| 3.4.2 Skala Pengukuran | 239 |
| 3.4.3 Konstruk Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 240 |
| 3.4.3.1 Kepimpinan | 242 |





| | |
|---|-----|
| 3.4.3.2 Pengajaran dan Pembelajaran | 243 |
| 3.4.3.3 Potensi dan Pencapaian Murid | 244 |
| 3.4.3.4 Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti | 245 |
| 3.5 Konstruk Tahap penguasaan | 245 |
| 3.5.1 Standard Prestasi | 247 |
| 3.5.2 Tahap Penguasaan Keseluruhan | 248 |
| 3.6 Konstruk Motivasi | 249 |
| 3.6.1 Penghargaan | 250 |
| 3.6.2 Tugasan | 250 |
| 3.6.3 Pencapaian | 251 |
| 3.6.4 Perkembangan Profesional | 252 |
| 3.6.5 Tanggungjawab | 252 |
| 3.6.6 Faktor Kepuasan Diri | 253 |
| 3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan | 254 |
| 3.7.1 Konstruk Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 260 |
| 3.7.2 Konstruk Motivasi | 263 |
| 3.7.3 Konstruk Tahap penguasaan | 269 |
| 3.8 Kajian Rintis | 273 |
| 3.9 Keputusan Analisis Faktor | 279 |
| 3.9.1 Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 280 |
| 3.9.2 Tahap penguasaan | 284 |





| | | |
|--------------|--|-----|
| 3.9.3 | Motivasi | 285 |
| 3.9.4 | Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Standard dan Amalan Sekolah Amanah Berdasarkan Indeks Cronbach Alpha | 290 |
| 3.9.5 | Ralat Pengukuran | 293 |
| 3.10 | Kaedah Pengumpulan dan Kutipan Data | 296 |
| 3.11 | Kaedah Analisis Data | 297 |
| 3.11.1 | Model Persamaan Berstruktur (<i>Structural Equation Modelling</i>) | 301 |
| 3.11.2 | Perbezaan antara CB-SEM dan PLS-SEM | 303 |
| 3.11.2.1 | Prosedur Analisis Laluan PLS-SEM | 304 |
| 3.11.2.2 | Model pengukuran dan Model Struktural | 305 |
| 3.12 | Kesahan dalaman | 313 |
| 3.13 | Kesahan konstruk | 314 |
| 3.14 | Rumusan | 315 |
| BAB 4 | ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 316 |
| 4.1 | Pengenalan | 316 |
| 4.2 | Penyaringan Data | 317 |
| 4.3 | Pembersihan Data | 319 |
| 4.4 | Analisis Demografi | 322 |
| 4.5 | Analisis Deskriptif | 324 |
| 4.5.1 | Tahap Pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah | 324 |





| | | |
|----------|--|-----|
| 4.6 | Tahap Tahap penguasaan Murid | 325 |
| 4.6.1 | Tahap Tahap penguasaan Murid Sekolah Amanah | 325 |
| 4.7 | Tahap Motivasi Guru | 326 |
| 4.7.1 | Tahap Motivasi Guru Sekolah Amanah | 326 |
| 4.8 | Analisis Inferens | 327 |
| 4.9 | Permodelan Persamaan Berstruktur (PLS-SEM): Penilaian Model Pengukuran | 328 |
| 4.10 | Model Pengukuran Reflektif | 329 |
| 4.11 | Kebolehpercayaan dan Ketekalan Dalaman (<i>Internal Consistency Reliability</i>) | 333 |
| 4.11.1 | Kesahan Menumpu (<i>Convergent Validity</i>) | 339 |
| 4.11.2 | Kesahan Pembedaan (<i>Discriminant Validity</i>) | 341 |
| 4.11.2.1 | Kriteria Heterotrait-Monotrait (HTMT) | 341 |
| 4.12 | Ringkasan Keputusan Penilaian Model Pengukuran | 343 |
| 4.13 | Penilaian Model Struktural | 347 |
| 4.13.1 | Penilaian kekolinearan (<i>Collinearity Assessment</i>) | 348 |
| 4.13.2 | Penilaian Kesigfikanan | 348 |
| 4.13.3 | Penilaian tahap nilai R ² (<i>Coefficient of determination</i>) | 350 |
| 4.13.4 | Penilaian effect size (f ²) | 351 |
| 4.13.5 | Penilaian <i>Predictive Relevance</i> (Q ²) | 351 |
| 4.14 | Ringkasan Penilaian Model | 352 |





| | |
|--|-----|
| 4.15 Permodelan Persamaan Berstruktur (PLS-SEM): Penilaian Model Struktural | 353 |
| 4.15.1 Penilaian kekolinearan | 354 |
| 4.15.2 Penilaian kesigfikanan dan kerelevanan | 355 |
| 4.15.3 Keputusan R^2 (<i>Coefficient of Detemination</i>) | 355 |
| 4.15.4 Keputusan f^2 (<i>Effect size</i>) | 356 |
| 4.15.5 Keputusan Q^2 (<i>Predictive Relevance</i>) | 357 |
| 4.16 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah Terhadap Tahap penguasaan Murid | 359 |
| 4.17 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah Terhadap Kemenjadian Akademik Murid | 360 |
| 4.18 Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru | 361 |
| 4.19 Pengujian Kesan Perantara Motivasi Guru | 362 |
| 4.19.1 Kesan Perantara Motivasi Guru | 366 |
| 4.20 Kesimpulan | 368 |
| BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | 369 |
| 5.1 Pendahuluan | 369 |
| 5.2 Ringkasan Kajian | 370 |
| 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian | 378 |
| 5.3.1 Mengukur Tahap Penguasaan Murid | 379 |
| 5.3.2 Mengukur Tahap Pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah | 382 |





| | | |
|-----------------|---|-----|
| 5.3.3 | Mengukur Tahap Motivasi Guru Sekolah Amanah | 385 |
| 5.3.4 | Pengaruh Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid | 389 |
| 5.3.5 | Pengaruh Standard dan Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru sebagai pemboleh ubah pengantara | 392 |
| 5.3.6 | Pengaruh Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid serta motivasi guru sebagai perantara | 395 |
| 5.4 | Sumbangan kajian | 397 |
| 5.5 | Pengaruh Signifikan Konstruk Peramal dengan Tahap penguasaan | 397 |
| 5.6 | Implikasi Kajian | 399 |
| 5.6.1 | Implikasi Teori | 399 |
| 5.7 | Model pengukuran | 400 |
| 5.8 | Model struktur | 401 |
| 5.9 | Implikasi Metodologi | 402 |
| 5.10 | Implikasi Praktikal | 403 |
| 5.10 | Implikasi kepada Bidang Pengurusan Pendidikan | 404 |
| 5.11 | Batasan Kajian | 405 |
| 5.12 | Cadangan Kajian Lanjutan | 406 |
| 5.13 | Kesimpulan | 409 |
| RUJUKAN | | 411 |
| LAMPIRAN | | 453 |





SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 1.1 Bilangan Sekolah Amanah (Sekolah Rendah) bagi Projek TSP 1.0 dan TSP 2.0 dari LeapEd Services Sdn. Bhd | 11 |
| 1.2 Senarai Sekolah Amanah Kohort 2016/2021 Projek TSP 1.0 dari LeapEd Services Sdn. Bhd | 11 |
| 1.3 Pencapaian Kluster Sekolah Amanah dalam UPSR 2017-2019 | 22 |
| 1.4 Peratus Lulus Keseluruhan UPSR Peringkat Kebangsaan 2017- 2020 | 22 |
| 2.1 Analisis dimensi-dimensi TQM dalam pendidikan dalam kajian lepas dari Norazila et al., 2020 | 44 |
| 2.2 Komponen M&E | 49 |
| 2.3 Rubrik Pengajaran dan Pembelajaran | 94 |
| 2.4 Rubrik Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian | 106 |
| 2.5 Matlamat Stategik Kepimpinan | 119 |
| 2.6 Deskriptor Prestasi Matlamat Stategik Pengajaran dan Pembelajaran | 141 |
| 2.7 Deskriptor Prestasi Matlamat Stategik Pencapaian dan Potensi Murid | 157 |
| 2.8 Deskriptor Prestasi Matlamat Stategik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti | 170 |





| | | |
|------|--|-----|
| 3.1 | Taburan bilangan guru di Sekolah Amanah Kohort 2016. Sumber dari BPSH KPM | 227 |
| 3.2 | Kaedah penentuan saiz sampel | 230 |
| 3.3 | Instrumen Kajian | 233 |
| 3.4 | Pengenalan Istilah Yang Digunakan di Sekolah Amanah | 236 |
| 3.5 | Pemetaan SKPMg2 dan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 239 |
| 3.6 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Kepimpinan | 241 |
| 3.7 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Pengajaran dan Pembelajaran | 242 |
| 3.8 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Potensi dan Pencapaian Murid | 243 |
| 3.9 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti | 244 |
| 3.10 | Penyataan Tahap Penguasaan PBD | 246 |
| 3.11 | Item-item dalam Tahap penguasaan Murid | 248 |
| 3.12 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Penghargaan | 249 |
| 3.13 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Tugasan | 250 |
| 3.14 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Pencapaian | 250 |
| 3.15 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Perkembangan Motivasi | 251 |
| 3.16 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Tanggungjawab | 252 |





| | | |
|------|---|-----|
| 3.17 | Item-item dan Sumber Yang Digunakan Dalam Pengukuran Instrumen Faktor Kepuasan | 252 |
| 3.18 | Pakar Penilai Instrumen Kajian | 256 |
| 3.19 | Interpretasi skor penilaian I-CVI | 257 |
| 3.20 | Keputusan Pencapaian Kesahan Kandungan Pakar Bagi Instrumen SASA Secara Keseluruhan | 258 |
| 3.21 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Kepimpinan’ | 259 |
| 3.22 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Pengajaran dan Pembelajaran’ | 260 |
| 3.23 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Potensi dan Pencapaian Murid’ | 261 |
| 3.24 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Penglibatan Ibubapa dan Komuniti’ | 261 |
| 3.25 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Penghargaan’ | 262 |
| 3.26 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Tugasan’. | 262 |
| 3.27 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Pencapaian’ | 263 |
| 3.28 | Penilaian pakar ke atas 5 item dalam dimensi ‘Perkembangan Profesional’ | 264 |
| 3.29 | Penilaian pakar ke atas dimensi ‘Tanggungjawab’ | 264 |
| 3.30 | Penilaian pakar ke atas 24 item dalam dimensi ‘Kepuasan Diri’ | 265 |
| 3.31 | Item Konstruk Kepimpinan | 266 |
| 3.32 | Penilaian pakar ke atas 5 item dalam konstruk ‘Tahap penguasaan’ | 266 |
| 3.33 | Bilangan Item Soal Selidik Konstruk Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 267 |





| | | |
|------|--|-----|
| 3.34 | Bilangan Item Soal Selidik Konstruk Motivasi | 268 |
| 3.35 | Item Soal Selidik Yang Telah Dimurnikan Setelah Proses Penilaian Pakar | 269 |
| 3.36 | <i>Total Variance Explained</i> | 279 |
| 3.37 | <i>Rotated Component Matrix</i> | 282 |
| 3.38 | <i>Total Variance Explained</i> | 283 |
| 3.39 | <i>Total Variance Explained</i> | 284 |
| 3.40 | <i>Rotated Component Matrix</i> | 285 |
| 3.41 | Pembolehubah Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 286 |
| 3.42 | Pembolehubah Tahap penguasaan | 287 |
| 3.43 | Pembolehubah Motivasi | 287 |
| 3.44 | Interpretasi Nilai <i>Alpha Cronbach</i> | 290 |
| 3.45 | Analisa Kebolehpercayaan Instrumen Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 290 |
| 3.46 | Analisa Kebolehpercayaan Instrumen Tahap penguasaan | 291 |
| 3.47 | Analisa Kebolehpercayaan Instrumen Motivasi | 291 |
| 3.48 | Jenis penganalisisan data mengikut soalan kajian | 297 |
| 3.49 | Perbezaan antara PLS-SEM dan CB-SEM | 302 |
| 3.50 | Aspek dan kriteria model pengukuran formatif | 306 |
| 3.51 | Kriteria setiap peringkat analisis menggunakan PLS-SEM | 311 |
| 4.1 | Kadar Penerimaan Borang Soal Selidik | 316 |
| 4.2 | Taburan Bilangan Tahun Mengajar Responden di Sekolah Amanah | 317 |





| | | |
|------|--|-----|
| 4.3 | Laporan nilai statistik skewness dan kurtosis | 319 |
| 4.4 | Analisis Bilangan Responden Kajian Sebenar | 322 |
| 4.5 | Penentuan tahap pencapaian berdasarkan nilai purata skor | 323 |
| 4.6 | Analisis Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah SASA | 324 |
| 4.7 | Analisis Nilai Purata Skor dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Tahap penguasaan | 325 |
| 4.8 | Analisis Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Motivasi | 326 |
| 4.9 | Aspek dan kriteria model pengukuran reflektif | 329 |
| 4.10 | Nilai loading bagi setiap item | 334 |
| 4.11 | Nilai composite reliability bagi semua konstruk. | 337 |
| 4.12 | Nilai AVE semua konstruk dan sub-konstruk | 339 |
| 4.13 | Kriteria Heterotrait-Monotrait <i>in Ratio of Correlations</i> (HTMT). | 341 |
| 4.14 | Laporan dapatan penilaian model pengukuran reflektif | 343 |
| 4.15 | Nilai t mengikut aras signifikan | 348 |
| 4.16 | Kriteria setiap peringkat analisis menggunakan PLS-SEM | 351 |
| 4.17 | Keputusan penilaian kekolinearan konstruk | 353 |
| 4.18 | Ringkasan keputusan analisis signifikan dan relevan | 354 |
| 4.19 | Keputusan R^2 | 354 |
| 4.20 | Kesan sebenar oleh konstruk tidak bersandar ke atas konstruk bersandar | 355 |
| 4.21 | Nilai Q^2 pada konstruk bersandar | 356 |
| 4.22 | Ringkasan keputusan pengujian hipotesis antara Standard Dan Amalan Sekolah Amanah dan KA | 360 |





| | | |
|------|---|-----|
| 4.23 | Penilaian model struktural antara SASA terhadap motivasi guru | 361 |
| 4.24 | Prosedur kedua analisis perantara – Kenal pasti jenis kesan perantaraan secara langsung | 364 |
| 4.25 | Penilaian model struktural SASA-Motivasi-KA | 365 |
| 4.26 | Penilaian model struktural semua konstruk | 366 |
| 4.27 | Keputusan semua analisis pemgukuran model struktural | 366 |
| 5.1 | Hubungan antara soalan, objektif dan hipotesis kajian | 376 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 1.1 Purata Skor Pencapaian Pelajar Malaysia dari 2009-2015. Sumber dari KPM (2018). | 3 |
| 1.2 Kronologi Penubuhan Program Sekolah Amanah | 6 |
| 1.3 Lima ciri utama bagi memastikan kelestarian dan kejayaan PSA | 9 |
| 1.4 Kerangka Standard Dan Amalan Sekolah Amanah | 14 |
| 1.5 Kerangka Konsep Kajian | 29 |
| 2.1 Prinsip-prinsip pelaksanaan M&E. Sumber dari LeapEd (2018). | 51 |
| 2.2 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia | 55 |
| 2.3 Evolusi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia | 56 |
| 2.4 11 Anjakan PPPM 2013-2025 | 58 |
| 2.5 Rangka Kerja Tadbir Urus Program Sekolah Amanah | 62 |
| 2.6 Fungsi dan Peranan JPN dan PPD dalam Program Sekolah Amanah | 63 |
| 2.7 Kerangka Standard Dan Amalan Sekolah Amanah. Sumber dari GPSA 2016 | 91 |
| 2.8 Empat Matlamat Strategik dan 20 Indikator. Sumber dari GPSA 2016 | 92 |
| 2.9 Perkaitan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah dengan 11 Anjakan PPM 2013-2025 | 179 |





| | | |
|------|--|-----|
| 2.10 | Peringkat Pelaksanaan Sekolah Amanah dari GPSA (2016) | 186 |
| 2.11 | Garis Masa Proses Akreditasi Sekolah Amanah | 188 |
| 2.12 | Proses Akreditasi Sekolah Amanah | 189 |
| 2.13 | Pemetaan SKPMg2 dan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah Sumber: Majlis Guru Besar Daerah Batu Pahat (2020) | 199 |
| 3.1 | Penentuan saiz sampel minimum menggunakan program G*Power | 229 |
| 3.2 | Carta alir proses pelantikan pakar | 255 |
| 3.3 | Perincian bagi proses menjalankan kajian | 276 |
| 3.4 | Penilaian collinearity dalam model pengukuran formatif | 308 |
| 4.1 | Carta alir penilaian sistematik analisis PLS-SEM (Hair et al., 2017) | 329 |
| 4.2 | Penetapan laluan model | 331 |
| 4.3 | Model Akhir Pengukuran Reflektif selepas melalui faktor analisis untuk pengujian kebolehpercayaan dan keesahan | 345 |
| 4.4 | Langkah dalam penilaian struktural (Hair et al., 2017) | 346 |
| 4.5 | Model penilaian struktural kajian | 357 |
| 4.6 | Pendekatan transmittal dalam perantaraan | 362 |
| 4.7 | Prosedur Analisis Perantaraan (Zhao et al, 2010) | 363 |
| 5.1 | Ilustrasi bagi mediated moderation | 407 |
| 5.2 | Illustrasi bagi moderated mediation | 407 |
| 5.3 | Ilustrasi bagi moderated moderation | 408 |





SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|--|
| BPSH | Bahagian Pengurusan Sekolah Harian |
| CPD | Continuous Professional Development |
| ESP | Education Service Provider |
| EYR | End Year Report |
| GPS | Gred Purata Sekolah |
| GPSA | Garis Panduan Sekolah Amanah |
| JNJK | Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPT | Key Performance Target |
| MLT | Middle Leader Teacher (Pemimpin Pertengahan) |
| MYR | Mid Year Report |
| PdPc | Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan |
| PISA | Programme for International Student Assessment |
| PLC | Komuniti Pembelajaran Profesional |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PSA | Program Sekolah Amanah |
| SASA | Standard dan Amalan Sekolah Amanah |





| | |
|--------|---|
| SKPM | Standard Kualiti Pendidikan Malaysia |
| SKPMg2 | Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 |
| SLT | Senior Leader Team (Pentadbir Sekolah) |
| TIMSS | Trends in International Mathematics and Science Study |
| TOV | Take Off Value |
| TSIP | Trust School Improvement Plan |
| TSP | Trust School Programme |
| TSSP | Trust School Standard Procedures |





SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Kajian
- B Surat Lantikan Pakar
- C Kelulusan Menjalankan Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia
- D Kelulusan Menjalankan Kajian Etika UPSI
- E Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Sarawak
- F Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Selangor
- G Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Kelantan
- H Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Terengganu
- I Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Perak





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk membincangkan latar belakang kajian serta isu-isu semasa berkaitan Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA) dan tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah. Bab ini juga akan membincangkan penyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual dan kerangka teori kajian, definisi, batasan kajian, dan kepentingan kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berfokus kepada amalan pengurusan standard kualiti pendidikan yang dinamakan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah yang dilaksanakan di Sekolah Amanah. Menelusuri konteks yang lebih luas, pendidikan adalah aspek penting dalam membina negara bangsa yang menyumbang kepada perkembangan sosial dan ekonomi






(Lu, 2018). Bank Dunia (2018) telah melaporkan bahawa dunia kini sedang menghadapi krisis pembelajaran yang boleh menjaskan keberhasilan dalam bidang pendidikan. Lebih membimbangkan, kajian tentang standard kualiti pendidikan di sekolah yang boleh membantu melonjak pencapaian murid (Jiali, Yipeng, He & Qiong, 2019; Ajayi & Oyeniyi, 2017) didapati agak terhad (Scheiler, 2018; Sfakianaki, 2018; Thinley, 2021).

Standard kualiti pendidikan secara amnya meliputi sistem dan proses memenuhi keperluan murid serta pencapaian matlamat dan objektif organisasi pendidikan (Hashim, 2018). Standard kualiti pendidikan juga menatijahkan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran murid (Akhtar, Zameer & Saeed, 2014; Jiali et al., 2019; Thinley, 2021). Justeru itu, kesedaran terhadap pendidikan yang berkualiti kini menjadi tumpuan utama di seluruh negara (Garira, Howie & Plomp, 2020).


Berbicara soal kualiti pelajar Malaysia, pencapaian pelajar Malaysia didapati kurang memberangsangkan di dalam pentaksiran antarabangsa iaitu TIMSS dan PISA (PPPM 2013-2025). Perkara ini membuka mata banyak pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia.



TIMSS



PISA



Rajah 1.1. Purata Skor Pencapaian Pelajar Malaysia dari 2009-2015. Sumber dari KPM (2018).

Prestasi pelajar Malaysia di dalam kedua-dua pentaksiran antarabangsa tersebut merosot dimana pencapaian pelajar Malaysia didapati tidak melepas skor purata pencapaian peringkat antarabangsa dan ini meletakkan Malaysia di kedudukan satu



pertiga terbahaw di dalam senarai negara-negara yang menyertai pentaksiran tersebut (KPM, 2018).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) cakna dengan isu ini dan mengambil langkah untuk menambahbaik sistem pendidikan sedia ada kepada sistem pendidikan yang berkualiti untuk meningkatkan keberhasilan dan melonjak pencapaian pelajar seperti yang dihasratkan di peringkat lokal dan global (KPM, 2016; Noredayu, Mahaliza & Hamidah, 2016) dengan melaksanakan transformasi pendidikan. Maka, dari situlah bermulanya penggubalan PPPM (2013-2025). Realiti kedudukan sistem pendidikan negara di peringkat dunia ini telah meletakkan PPPM dengan hala tuju yang jelas iaitu apabila berakhirnya tahun 2025, negara akan berada di kedudukan pertiga atas dalam penilaian antarabangsa tersebut. Hanya apabila negara berada pada tahap tersebut, barulah boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan negara telah mencapai standard di peringkat dunia setanding dengan negara-negara maju yang lain (Ayob, 2018).

Maka, PPPM (2013-2025) dengan jelas menyatakan transformasi yang warga pendidikan perlu garapkan adalah luas dan rencam. Justeru itu, banyak inisiatif yang penting dan bermakna perlu dijalankan untuk merealisasikan transformasi pendidikan ini. Diantaranya ialah dengan menyusun strategi utama PPPM (2013-2025) dalam tiga gelombang iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021-2025).

Inisiatif ini jelas menunjukkan bahawa KPM komited untuk mencapai matlamat aspirasi dan sasaran menerusi transformasi pendidikan sebagaimana yang






terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Sehubungan dengan itu, kualiti pencapaian murid kini menjadi salah satu daripada fokus utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Masters (2012), Noredayu et al. (2016), Nurul Ain, Md Asri dan Hamidah (2016), Thinley (2021) bersepakat bahawa kualiti pendidikan bagi sesebuah negara bergantung sepenuhnya kepada keupayaan dan usaha oleh mereka yang berada di sesebuah organisasi pendidikan itu. Justeru itu, disamping usaha untuk meningkatkan kualiti pencapaian murid, aspek motivasi guru juga harus diberi perhatian kerana apabila motivasi guru berada di tahap tinggi, apa yang dirancang akan berjalan lancar. Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi guru dan pencapaian akademik pelajar. Diantaranya ialah kajian oleh Ibok (2020) yang mengkaji tentang motivasi guru dan pencapaian pelajar di dalam subjek biologi. Dapatkan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi guru dalam aspek tugas, kenaikan pangkat dan gaji dengan pencapaian akademik pelajar dalam subjek berkenaan.

KPM telah mengenalpasti 11 anjakan yang perlu diberi perhatian bagi mencapai hasrat yang diinginkan. Setiap anjakan tersebut harus memberi kesan kepada lima keberhasilan sistem yang terdiri daripada akses, kualiti, ekuiti, perpaduan serta kecekapan. Disinilah bermulanya perancangan pihak KPM untuk mewujudkan Program Sekolah Amanah ini. Sejajar dengan anjakan ke-9 PPPM (2013-2025), Program Sekolah Amanah (*Trust School Programme/ TSP*) ditubuhkan bagi mencapai aspirasi dan sasaran transformasi pendidikan seperti yang dihasratkan dan matlamat peningkatan tahap penguasaan murid dapat direalisasikan. Perkaitan perkara yang dibincangkan di atas, disimpulkan dalam rajah di bawah.





Rajah 1.2. Kronologi Penubuhan Program Sekolah Amanah

Sebagai intinya, kemerosotan pelajar Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa TIMSS dan PISA telah mendorong kepada penggubalan PPPM 2013-2025 yang mengandungi 11 anjakan yang perlu direalisasikan. Program Sekolah Amanah telah diilhamkan oleh KPM bagi memenuhi kesebelasan anjakan dalam PPPM 2013-2025. Berdasarkan GPSA (2016) yang dikeluarkan, Standard Pertama SASA memenuhi anjakan 5,8,10 dan 11 PPPM 2013-2025, Standard Kedua memenuhi anjakan 1,2,4 dan 7 PPPM 2013-2025, Standard Ketiga SASA memenuhi anjakan 2 dan 3 PPPM 2013-2025 dan Standard Keempat SASA memenuhi anjakan 6 dan 9 PPPM 2013-2025. Ternyata, sebelas anjakan PPPM 2013-2025 diintergrasikan dan diaplikasikan dalam keempat – empat standard Program Sekolah Amanah.



1.2.1 Program Sekolah Amanah

Program Sekolah Amanah (PSA) bermula apabila KPM diamanahkan oleh Majlis Ekonomi Negara (*National Economic Council*) pada bulan Jun 2009 dan Pasukan Menteri Peneraju NKRA Pendidikan (*Education Delivery Task Force, DTF*) bagi membangunkan rangka kerja PSA. Hasrat ini selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk memperluas akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan untuk dinikmati oleh semua lapisan rakyat sekali gus memaksimumkan keberhasilan murid melalui sistem dan sumber sedia ada. Program ini merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme, GTP*) yang telah diperkenalkan dan dipelopori oleh YAB Perdana Menteri (KPM, 2016).



PSA ialah satu program transformasi pendidikan pada peringkat kebangsaan yang dilaksanakan secara khusus melalui perkongsian awam-swasta. Tujuan utama program ini ialah menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam usaha melonjakkan kualiti pendidikan negara melalui penambahbaikan sistem pengurusan sekolah, kaedah penyampaian pendidikan dan persekitaran ruang pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Keberhasilan utama program ini ialah peningkatan prestasi pencapaian murid secara holistik dalam pelbagai bidang termasuklah sahsiah dan keperibadian, kerohanian, identiti nasional, akademik dan kurikulum seiring dengan aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025.






Pelaksanaan PSA ini dibangunkan sebagai sebahagian daripada fokus Anjakan ke-9 PPPM (2013-2025) yang harus dipacu bagi mencapai Standard dan Amalan Sekolah Amanah seperti yang diharapkan (KPM, 2016).

Inti pati transformasi pendidikan terletak pada aspek peningkatan tahap penguasaan murid dan aspek PdPc yang merupakan aspek yang perlu diberikan tumpuan. Justeru itu, untuk mencapai transformasi ini, peranan segenap lapisan sumber yang terlibat bagi mencapai hasrat ini perlu digembleng. Pengembangan usaha dan kerjasama dalam kalangan pelaksana program ini perlu dipacu dengan lebih gigih bagi mencapai aspirasi ini (Dzulkifli, 2016).

PSA disokong oleh beberapa pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi awam dan swasta. Dari sektor awam, program ini diterajui oleh KPM dengan penglibatan aktif Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan ahli *Task Force* yang terdiri daripada pegawai-pegawai KPM yang terlibat dengan PSA.

Yayasan Amir selaku pembekal perkhidmatan pendidikan, LeapEd sebagai penasihat (*education advisor*) di sekolah-sekolah sementara pihak penaja sebagai pemegang taruh (*stakeholder*) dari sektor swasta. Yayasan bersama pihak pengurusan sekolah (pengetua dan guru besar) bertanggungjawab memacu program ini demi mencapai matlamatnya dalam memantapkan tahap penguasaan seperti yang termaktub dalam Perjanjian, Operasi & Pengurusan Sektor Awam-Swasta (PPSOMA) yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan Yayasan (GPSA, 2016).





Rajah 1.3. Lima ciri utama bagi memastikan kelestarian dan kejayaan PSA

Kini bilangan Sekolah Amanah dan warga pelaksana semakin meningkat. Pada tahun 2016, bilangan Sekolah Amanah telah meningkat kepada 62 buah sekolah manakala pelaksanaannya pula melibatkan 9 buah negeri dan 19 buah PPD di seluruh negara. Dari segi tahap pelaksanaannya pula, sekolah-Sekolah Amanah ini berada pada fasa masing-masing iaitu tahap transformasi, pemantapan dan pemantauan (Abdullah Mad Yunus, 2016). Tahap transformasi merujuk kepada tahun pertama dan kedua PSA, tahap pemantapan merujuk kepada tahun ketiga PSA, sementara tahap pemantauan merujuk kepada tahun keempat dan kelima pelaksanaan Program Sekolah Amanah.

Bagi memacu dan menjayakan pelaksanaan PSA, segenap peringkat agensi pelaksana yang terdiri daripada pendidik serta warga Sekolah Amanah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu tahu tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu



digalas. Seluruh agensi pelaksana di peringkat negeri dan daerah pula perlu mengukuhkan peranan mereka dari segi kapasiti dan keupayaan pelaksanaan (Khair, 2016).

1.2.2 Proses Pemilihan Sekolah Amanah

Dalam fasa pemilihan sekolah sebagai calon Sekolah Amanah, pihak Yayasan akan menghubungi Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang mempunyai kriteria yang ditetapkan oleh pihak penaja yang berminat. Setelah itu, BPSH akan bekerjasama dengan JPN dan PPD dalam menentukan sekolah yang berpotensi serta akan memberi maklum balas kepada pihak

Yayasan. Seterusnya, pihak Yayasan akan menghantar permohonan rasmi kepada BPSH untuk kelulusan setelah proses berkaitan dengan penajaan telah pun dimuktamadkan. Setelah itu, pihak BPSH akan mendapatkan ulasan daripada bahagian-bahagian dan JPN yang terlibat sebelum dipanjangkan untuk kelulusan. Sebaik sahaja kelulusan telah diperolehi dari pihak KPM, BPSH akan memaklumkan kepada semua pihak yang terlibat tentang perkara tersebut (GPSA, 2016).

Pemilihan Sekolah Amanah merangkumi semua jenis sekolah termasuk sekolah bandar, luar bandar, harian, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah berprestasi tinggi dan berasrama penuh. Sekolah-sekolah ini merentasi pencapaian dari Band 1 hingga Band 6.





Kini, PSA terdiri daripada dua Fasa. Fasa 1 yang dikenali sebagai Projek TSP (*Trust School Programme*) 1.0 yang bermula pada tahun 2011 dan Fasa 2, Projek TSP (*Trust School Programme*) 2.0 yang bermula pada tahun 2018. Tempoh pelaksanaan program ini ialah selama 5 tahun. Jadual dibawah menunjukkan senarai bilangan sekolah mengikut kohort bagi Projek TSP 1.0 dan TSP 2.0 (KPM, 2016).

Jadual 1.1

Bilangan Sekolah Amanah (Sekolah Rendah) bagi Projek TSP 1.0 dan TSP 2.0 dari LeapEd Services Sdn. Bhd

| KOHORT | TEMPOH | PROJEK TSP 1.0 | PROJEK TSP 2.0 |
|--------|-------------|-------------------|------------------|
| 1 | 2011 - 2017 | 6 sekolah | |
| 2 | 2013 - 2017 | 3 sekolah | |
| 3 | 2014 - 2018 | 11 sekolah | |
| 4 | 2015 - 2019 | 3 sekolah | |
| 5 | 2015 - 2020 | 14 sekolah | |
| 6 | 2016 - 2021 | 14 sekolah | |
| 7 | 2017 - 2021 | | 3 sekolah |



Sementara itu, dibawah adalah pecahan sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini iaitu Sekolah Amanah Kohort 2016 yang terdiri daripada 14 buah sekolah. Sekolah-sekolah tersebut dibahagikan kepada beberapa kluster mengikut lokasi daerah dan negeri masing-masing.

Jadual 1.2

Senarai Sekolah Amanah Kohort 2016/2021 Projek TSP 1.0 dari LeapEd Services Sdn. Bhd

| KLUSTER | SEKOLAH |
|-------------------------|-------------|
| Dungun, Terengganu | • 1 sekolah |
| Jeli, Kelantan | • 3 sekolah |
| Klang, Selangor | • 2 sekolah |
| Kota Samarahan, Sarawak | • 3 sekolah |
| Manjung, Perak | • 2 sekolah |
| Marang, Terengganu | • 3 sekolah |





Terdapat 14 buah sekolah di dalam kohort 2016-2021 yang melibatkan 6 buah daerah serta 5 buah negeri iaitu di Sarawak, Terengganu, Kelantan, Selangor dan Perak. Terdapat sebuah sekolah di daerah Dungun, Terengganu, tiga buah sekolah di Jeli, Kelantan, dua buah sekolah di Klang, Selangor, tiga buah sekolah di Kota Samarahan, Sarawak, dua buah sekolah di Manjung, Perak dan tiga buah sekolah di Marang, Terengganu. Empat belas sekolah ini adalah sekolah- sekolah dari kohort yang sama dan merupakan populasi kajian ini.

PSA ini memperlihatkan bahawa KPM komited terhadap usaha memastikan sektor pendidikan negara dapat menghasilkan bakat atau sumber manusia yang berkemahiran tinggi dan mempunyai ciri kepimpinan bagi mendorong sektor ekonomi negara, seterusnya menjadi pemangkin kepada perubahan menyeluruh dalam pembangunan modal insan di negara ini (KPM, 2016).



Walaubagaimanapun, pelaksanaan amalan pengurusan Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan menjadi satu cabaran baru dalam bidang pendidikan (Jiali et al., 2019). Dalam konteks amalan pengurusan Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA), ianya diperkenalkan dengan menerapkan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 yang memperbaharui taraf pendidikan sedia ada ke arah sistem pendidikan yang lebih fleksibel, mencabar, kreatif, dan lebih kompleks seiring dengan salah satu daripada anjakan dalam PPPM 2013-2025 iaitu meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Pelbagai pihak seperti ahli-ahli akademik dan pentadbir memberi pelbagai reaksi dalam pelaksanaan Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan. Beberapa penyelidik bersetuju bahawa Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan membantu






meningkatkan keberhasilan seperti menambahbaik proses pendidikan, memotivasi persekitaran pendidikan serta memperbaiki kurikulum pendidikan di negara-negara maju seperti Singapura, Romania dan Amerika Syarikat (Hanushek & Woesmann, 2010; Sarafidou & Chatzioanniidis, 2011; Nor Syazwani, 2015, Thinley, 2021). Namun begitu, kurang kajian dijalankan bagi melihat pengaruh dimensi-dimensi Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan terhadap aspek pencapaian murid di sekolah rendah (Nawelwa, 2015; Sfakianaki, 2018)

1.2.3 Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA)

Standard dan Amalan Sekolah Amanah (SASA) menyediakan kerangka kepada semua Sekolah Amanah agar kejayaan dapat dicapai pada setiap fasa. Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terdiri daripada 4 standard yang mengandungi 20 indikator yang menghuraikan tentang amalan yang meliputi kompetensi pemimpin sekolah, guru, murid, sistem dan nilai bagi mencapai matlamat keberhasilan dan kemenjadian murid. Kerangka Standard Dan Amalan Sekolah Amanah boleh diterjemahkan dalam rajah dibawah ;





Rajah 1.4. Kerangka Standard Dan Amalan Sekolah Amanah

Kerangka ini bertindak melalui pelbagai cara untuk mendorong dan menyokong penambahbaikan sekolah. Standard Dan Amalan Sekolah Amanah membantu meningkatkan amalan terbaik.

Standard ini dibentuk berdasarkan empat matlamat strategik PSA yang diperlukan dalam transformasi sekolah secara holistik iaitu :

- a. Membangun kepimpinan dan pengurusan berkualiti tinggi
- b. Menambahbaik kualiti pembelajaran dan pengajaran
- c. Memaksimumkan potensi dan pencapaian murid
- d. Mengukuhkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan lain.

Bagi setiap Standard, satu set indikator yang spesifik dan kriteria yang berkaitan telah dikenal pasti. Kesemua 20 indikator standard ini menghuraikan tentang



keberhasilan, sistem, nilai dan kompetensi pemimpin sekolah, guru, murid dan penglibatan pihak sekolah dengan pihak berkepentingan luar sebagaimana yang diharapkan. Indikator Standard ini digunakan untuk menetapkan Sasaran Prestasi Utama (*Key Performance Target/ KPT*) yang terdapat dalam Instrumen Penamaan (DI) iaitu dokumen persetujuan terhadap KPT yang disediakan oleh KPM.

Terdapat dua fokus KPT iaitu Pencapaian Murid dan Kemajuan Sekolah. Pencapaian Murid merujuk sasaran akademik yang ditetapkan berdasarkan formula yang telah dipersetujui bersama sekolah. Sasaran akademik tersebut mengambil kira pencapaian murid dalam tempoh tiga tahun sebelum permulaan PSA. Data akademik yang diambil kira termasuklah pencapaian dalam peperiksaan awam iaitu UPSR. Sasaran dan Kemajuan Sekolah bagi Sekolah Amanah ditetapkan berdasarkan Tahap Pencapaian Semasa (*Take Off Value/TOV*) yang ditentukan melalui penilaian kendiri KPT oleh pihak sekolah. TOV ditentukan dengan merujuk data kualitatif dan kuantitatif.

Proses pemantauan KPT secara berkala dan pengesahan KPT melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak sekolah, pasukan ESP, wakil PPD/JPN dan wakil yayasan. Kemajuan KPT dikongsi secara telus dengan tujuan untuk mengenal pasti aspek penambahbaikan.

Penetapan KPT dijalankan secara bersama dengan pihak sekolah dan setelah penetapan dimuktamadkan, sekolah perlu menjajarkan Pelan Penambahbaikan Sekolah Amanah (TSIP) mereka dengan keberhasilan yang disasarkan. Bagi mencapai maksud ini, perancangan tempoh lima tahun sekolah berdasarkan Standard Dan Amalan Sekolah





Amanah seharusnya menunjukkan keberhasilan setiap tahun yang dikenal pasti bagi memastikan sekolah memenuhi KPT pada akhir tempoh lima tahun PSA.

Kemajuan ke arah mencapai KPT dipantau dan dilaporkan kepada Pemilik Program pada setiap suku tahun. Bidang keutamaan TSIP dimaklumkan melalui KPT dan kemajuan ke arah mencapai sasaran tahunan dan keberhasilan pelan tindakan dipantau setiap bulan oleh pentadbir sekolah, penasihat ESP dan juga PPD/JPN semasa fasa pasca akreditasi. Tiga tahap utama pencapaian sekolah dalam tempoh lima tahun adalah Tahap Asas, Tahap Akreditasi dan Tahap Sekolah Model.

(Garis Panduan Sekolah Amanah, 2016)

Menurut Kamarul Bahari (2016); Qutni, Kristiawani dan Fitriani (2021) keberhasilan sesebuah organisasi bergantung kepada sumber terpentingnya iaitu faktor sumber manusia. Dalam konteks kajian, guru adalah faktor sumber manusia yang penting bagi menjayakan visi dan misi PSA dan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah. Tanpa guru, maka pincanglah sekolah. Justeru itu, bagi memastikan mereka sentiasa komited dan konsisten dalam menghasilkan kualiti kerja cemerlang yang menjurus ke arah peningkatan tahap penguasaan murid, aspek motivasi guru juga haruslah dititikberatkan. Jika seseorang guru itu kurang mahir dalam melaksanakan tugasan mereka, maka guru-guru akan dibimbing menerusi siri-siri latihan yang dirancang untuk mereka seperti Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP), *Continuing Professional Development* (CPD), *Profesional Learning Community* (PLC) yang boleh memberikan impak positif terhadap tahap penguasaan murid (Muhd Afiq Sahari, 2016; Noredayu et al., 2016; Nurul Ain, Md Asri & Hamidah, 2016) tetapi jika ia melibatkan soalan motivasi guru, maka ia adalah lebih kompleks (Rafikul Islam, 2008; Suryandari, 2016).



Disebabkan itulah kajian tentang motivasi guru semakin banyak dijalankan kerana sudah terang lagi bersuluh bahawa motivasi guru adalah faktor kritikal yang merentasi pelbagai konteks seperti reformasi pendidikan, motivasi belajar pelajar, amalan pengajaran dan pembelajaran serta keperluan psikologi guru (Ji Ying Han, 2016).

Keperluan untuk memenuhi peranan penting seperti yang dihajatkan oleh KPM menuntut satu bentuk pengorbanan yang besar dari kalangan warga pendidik khasnya guru. Kementerian yang bermatlamatkan keberhasilan menuntut para pendidik untuk mengupayakan keluwesan dengan gigih dan dedikasi (Rosli, PPPM 2013-2025).

Soalannya, bagaimanakah motivasi para guru dalam memikul tanggungjawab dan aspirasi kerajaan sehebat ini? Mampukah mereka memperkasakan kompetensi mereka seiring dengan hasrat kerajaan untuk menyepadukan ilmu menggunakan pendekatan pengajaran integrasi holistik? Oleh yang demikian, motivasi dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi seseorang untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan rela. Motivasi dikenal pasti dalam dua dimensi iaitu penentu seseorang itu memilih untuk melakukan sesuatu serta berapa lama seseorang itu boleh bertahan dalam melakukan sesuatu pekerjaan itu (Dornyei & Ushioda, 2011; Geronimo dan Oligario, 2020).

Peranan motivasi sebagai pengantara dalam pelbagai jenis kajian merentasi pelbagai bidang. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa motivasi adalah faktor pengantara yang memberi kesan terhadap pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Antara kajian yang menggunakan motivasi sebagai pengantara dalam kajian mereka adalah Copriady (2014); Hartwig & Schwabe (2018);

Núñez JC, Regueiro B, Suárez N, Piñeiro I, Rodicio ML & Valle A (2019) dan Kennedy, Kim, Ring Ho, Marilyn dan Cherryshenko (2021). Kajian-kajian ini mendapati bahawa motivasi memainkan peranan yang signifikan dalam hubungan di antara strategi pengajaran dan hasil pembelajaran, kesediaan guru menggunakan ICT dalam pdpc, memediasikan hubungan antara latihan profesional guru dengan kepelbagaian kaedah pengajaran, serta faktor motivasi guru mempengaruhi hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar (Lawrence & Hanita, 2017 ; Barbieri, Rossetti & Sestito, 2017; Bardach & Klassen , 2021; Bada, Ibrahim, Aliyu & Sam, 2022; Nyakundi, Rabiru & Okawa, 2019; Geronimo & Oligario, 2020).

Bagi menginspirasikan para guru untuk menghasilkan kemenjadian kerja yang berkualiti, keperluan emosi guru harus diberi perhatian kerana kemenjadian kerja yang hebat akan menghasilkan keberkesanan Standard Kualiti Pendidikan yang positif (Ibok, 2020; Ken & Orji, 2016; Albazaogly & Aztekin, 2016; Wambugu, Peter & Muola, 2018; Tastan, Mehdi, Masalimiva, Bersenov, Kurbanov, Boiarchuk & Pavlushin, 2018; Geronimo & Oligario, 2020). Sehubungan dengan itu, inisiatif diambil untuk menjalankan kajian ini bagi melihat pengaruh pelaksanaan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap faktor tahap penguasaan murid serta faktor motivasi guru sebagai perantara.

Sekiranya perkara ini tidak dikaji, maka kita tidak dapat melihat impak pelaksanaan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap faktor tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah. Adalah diharap usaha ini mampu merealisasikan hasrat kemenjadian modal insan ke tahap kualiti yang tinggi agar dapat memperoleh status "World Class Education" (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).



Perubahan dan pembaharuan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa tanpa sistem pendidikan yang bertaraf dunia, impian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju tidak mungkin dapat dicapai.

1.3 Pernyataan Masalah

Peranan Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan dalam menjayakan visi dan misi pendidikan semakin mendapat perhatian ramai penyelidik di luar negara (Lu, 2018; Cruz., 2016; Pourrajab, 2015; Sunder, 2016).

Dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21 dan 11 anjakan strategik dalam PPPM (2013-2025), Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Aspirasi Murid, peranan Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan seperti Standard Dan Amalan Sekolah Amanah menjadi semakin penting dalam organisasi pendidikan.

Matlamat pelaksanaan amalan pengurusan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah adalah untuk memacu transformasi pencapaian murid bagi meningkatkan tahap penguasaan murid (KPM, 2016). Namun, timbul isu apabila beberapa kluster Sekolah Amanah menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan di dalam peperiksaan UPSR (KPM, 2017; KPM, 2018; KPM, 2019). Situasi ini tidak sejajar dengan visi dan misi Standard Dan Amalan Sekolah Amanah iaitu memaksimumkan potensi dan pencapaian murid (KPM, 2016). Kajian lepas terhadap dimensi-dimensi Standard Dan Amalan Sekolah Amanah seperti kepimpinan sekolah, pengurusan kurikulum, kemenjadian murid dan penglibatan ibu bapa dan komuniti menunjukan



bahawa dimensi-dimensi ini mempunyai hubungan yang positif dimana ia mempengaruhi tahap penguasaan murid (Abang Ismail, Sharifah, Haminah & Katijah, 2018). Malahan Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (JNJK, 2016) turut menggesa agar kesemua dimensi standard tersebut dirancang sebaik mungkin kerana ia memberi impak positif kepada kecemerlangan sekolah amnya dan kemenjadian murid dalam aspek akademik, ko-kurikulum dan sahsiah khasnya.

Namun begitu, berdasarkan keputusan UPSR 2017-2019 yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) KPM, didapati prestasi murid-murid semua kluster Sekolah Amanah di Malaysia agak membimbangkan. Hal ini kerana pencapaian peratus lulus semua subjek teras tidak melepas sasaran yang ditetapkan dalam Sasaran Pencapaian Utama (*Key Performance Target/ KPT*).

Pada tahun 2017, kluster Dungun memperolehi keputusan 61.8%, 75.7% pada tahun 2018 dan menurun kembali pada tahun 2019 kepada 65.2%. Pencapaian tiga tahun berturut-turut ini tidak melepas sasaran KPT iaitu 80%. Sementara itu, kluster Jeli pula mencapai 64.2 % pada tahun 2017, 72.3% pada tahun 2018 dan menurun kepada 63.8 % pada tahun 2019. Jelas bahawa, kluster Jeli juga tidak berjaya melepas sasaran mereka iaitu 80%. Seterusnya ialah kluster Klang, dimana mereka memperolehi 59% pada tahun 2017, 65.5% pada tahun 2018 dan 68% pada tahun 2019. Namun, mereka juga tidak mencapai sasaran yang disasarkan iaitu 72.5%. Dalam pada itu, kluster Kota Samarahan menyasarkan untuk memperolehi 75% tetapi pencapaian mereka pada tahun 2017 adalah 59% , menurun pada tahun 2018 kepada 53.4% dan meningkat sedikit kepada 61% pada tahun 2019. Amat jelas, mereka juga tidak berjaya mencapai sasaran yang diharapkan untuk tiga tahun berturut-turut . Sementara itu,

kluster Manjung pula menetapkan sasaran 87.5% untuk dicapai oleh mereka. Pada tahun 2017 mereka memperolehi 83%, sedikit menurun kepada 81.5% pada tahun berikutnya dan disusuli dengan 86.6% pada tahun 2019. Meskipun pencapaian kluster Manjung adalah antara yang terbaik dikalangan kluster-kluster lain, tetapi mereka masih tidak mencapai sasaran 87.5%.

Akhir sekali ialah kluster Marang yang menyasarkan pencapaian 75%. Namun, pada tahun 2017, mereka hanya memperolehi 58.9%, sedikit meningkat kepada 64.8% tahun seterusnya tetapi menurun kembali kepada 59.8% pada tahun 2019. Daripada data yang disebutkan di atas, didapati bahawa semua kluster Sekolah Amanah tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan didalam KPT kluster masing-masing.

Walaupun terdapat sedikit peningkatan pada tahun 2018, namun secara keseluruhan pencapaian semua kluster tidak konsisten serta tidak berjaya mencapai sasaran peningkatan tahap penguasaan murid (KPM, 2020). Senario ini membimbangkan kerana pencapaian akademik murid di semua Sekolah Amanah tidak menunjukkan impak positif seperti yang diharatkan di dalam KPT masing-masing. Apabila dibandingkan pula dengan pencapaian peratus keseluruhan peringkat kebangsaan, didapati kebanyakan kluster tidak melepassi pencapaian peringkat kebangsaan bagi tahun 2017 – 2019 (KPM ,2017; KPM, 2019; KPM 2020).Seiring dengan peratus lulus keseluruhan semua kluster yang tidak mencapai sasaran, didapati Gred Purata Sekolah (GPS) sekolah-sekolah berkenaan juga tidak mencapai sasaran KPT kluster masing-masing.

Senario ini dilihat berbeza dengan pencapaian sekolah-sekolah cemerlang lain yang setara seperti sekolah kluster, dimana pencapaian mereka jauh lebih baik setelah



mereka mengamalkan Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan (Abang Ismail, Sharifah, Haminah & Katijah, 2018).

Pencapaian semua sekolah berkenaan di dalam UPSR 2017, 2018 dan 2019 diperjelaskan dalam bentuk TOV (*Take Off Value*), KPT (*Key Performance Target*) serta pencapaian sebenar dalam bentuk peratus kelulusan keseluruhan dan gred purata sekolah bagi tiga tahun berturut-turut diilustrasikan di dalam jadual di bawah.

Jadual 1.3

Pencapaian Kluster Sekolah Amanah dalam UPSR 2017-2019

| KLUSTER | PERATUS LULUS KESELURUHAN UPSR | | | | | GRED PURATA SEKOLAH | | | | |
|----------------|--------------------------------|--------|--------|--------|--------|---------------------|------|------|------|------|
| | TOV | KPT | 2017 | 2018 | 2019 | TOV | KPT | 2017 | 2018 | 2019 |
| DUNGUN | 65.5 % | 80 % | 61.8 % | 75.5 % | 65.2 % | 2.45 | 2.6 | 2.91 | 2.84 | 2.85 |
| JELI | 70.1 % | 80 % | 64.2 % | 72.3 % | 63.8 % | 2.89 | 2.55 | 3.05 | 3.03 | 2.97 |
| KLANG | 63 % | 72.5 % | 59 % | 65.5 % | 68 % | 3.22 | 2.83 | 3.21 | 3.01 | 3.0 |
| KOTA SAMARAHAN | 61.1 % | 75 % | 54.9 % | 53.4 % | 61 % | 3.23 | 2.85 | 3.33 | 3.33 | 3.14 |
| MANJUNG | 82.7 % | 87.5 % | 83 % | 81.5 % | 86.6 % | 2.76 | 2.43 | 2.59 | 2.6 | 2.53 |
| MARANG | 68.8 % | 75.0 % | 58.9 % | 64.8 % | 59.8 % | 3.06 | 2.69 | 3.11 | 3.04 | 3.18 |

Sumber: LPM KPM (2017, 2018, 2019)

Jadual 1.4

Peratus Lulus Keseluruhan UPSR Peringkat Kebangsaan 2017- 2020

| PERATUS LULUS KESELURUHAN UPSR PERINGKAT KEBANGSAAN | | |
|---|--------|--------|
| 2017 | 2018 | 2019 |
| 68.1 % | 67.4 % | 70.35% |

Sumber: LPM KPM (2017, 2018, 2019)

Jadual di atas memperlihatkan peratus lulus keseluruhan UPSR peringkat kebangsaan dari tahun 2017-2019 sebagai perbandingan dengan pencapaian UPSR murid-murid Sekolah Amanah kohort 2016 dalam UPSR 2017-2019.





Dari perspektif lain, peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan dan pihak penaja (swasta) serta keistimewaan pemberian autonomi dalam berbagai perkara kepada Sekolah Amanah untuk memperkasakan sekolah dan meletakkan Sekolah Amanah di tahap yang unggul (KPM, 2016) seperti tidak memberi impak positif terhadap pencapaian akademik murid-murid Sekolah Amanah. Menurut Campbell, Heyward & Jochim (2018), keistimewaan dalam apa jua bentuk kepada sesuatu organisasi itu, dianggap tidak berbaloi jika ianya tidak mendatangkan sebarang hasil. Secara logiknya, sekolah yang mempunyai kewangan yang kukuh seharusnya mampu untuk melangkah lebih jauh dan gemilang (Ndlovu, 2017; Husaina, Hee Fui Ling, Ahmad Zabidi & Ghazali Darusalam, 2019; Atobi, 2019). Namun apa yang berlaku di Sekolah Amanah adalah sebaliknya. Oleh itu, wujud keperluan untuk mengkaji pengaruh pelaksanaan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap faktor keberhasilan yang disasarkan iaitu peningkatan tahap penguasaan murid.



Dari sudut lain, transformasi pendidikan yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025, serta matlamat peningkatan tahap penguasaan telah mengheret guru dengan pelbagai tugas yang mencabar dan pelbagai. Menurut Claire dan Faridah (2018), didapati beban kerja guru di Sekolah Amanah semakin meningkat. Motivasi guru terjejas sekiranya beban tugas bertambah dan ini pastinya mempengaruhi kecekapan kerja guru. Suryandari (2016) menegaskan beban kerja yang berlebihan menjelaskan motivasi yang menjadi punca penurunan kecekapan kerja guru. Perkara ini menyebabkan guru tidak mengajar dengan bersungguh-sungguh, tidak fokus dan kurang bersemangat (Hong & Aziah Ismail, 2015; Norashid Othman & Hamzah Md. Omar, 2014). Pengajaran yang kurang berkesan menjelaskan kefahaman murid dan memberi implikasi kepada pencapaian murid-murid (Noredayu et al., 2016; Nurul Ain



et al., 2016). Oleh yang demikian, output yang diharapkan iaitu kemenjadian muird dalam aspek akademik tidak akan tercapai (Ruth, 2020) kerana motivasi guru mempengaruhi pencapaian akademik murid.

Dapatkan kajian lepas terhadap dimensi-dimensi yang setara dengan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah menunjukkan bahawa dimensi-dimensi tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi guru (Hassan, Maryam, Muhs Shoaib & Jawed, 2014). Justeru itu, didapati motivasi adalah merupakan pemboleh ubah perantara di dalam kajian ini kerana ia menepati ciri-ciri mediator dalam tiga keadaan (Baron & Kenny, 1986) iaitu pemboleh ubah bebas mempengaruhi mediator, pemboleh ubah bebas mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan yang ketiga, mediator mempengaruhi pemboleh ubah bebas seperti yang telah dinyatakan di atas.



Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji pengaruh Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru dalam konteks Sekolah Amanah kerana aspek motivasi guru harus diberi perhatian untuk menghasilkan kemenjadian kerja yang hebat.

Disamping itu, didapati kurang kajian yang mengkaji Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan , tahap penguasaan murid dan motivasi guru secara bersama. Kajian lepas lebih tertumpu kepada Standard Amalan Kualiti Pendidikan dan pencapaian sekolah (Karimi, 2016). Sehubungan dengan itu, wujud keperluan untuk mengkaji hubungan antara amalan pengurusan Standard Amalan Kualiti Pendidikan dalam skop Sekolah Amanah iaitu Standard Dan Amalan Sekolah Amanah dan tahap penguasaan secara bersama.



Selain daripada itu, kajian lepas menunjukkan bahawa kajian mengenai Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan lebih berfokus kepada sekolah-sekolah aliran biasa seperti dalam kajian Saraiva, Rosa & Henrique (2001), Muhammad Faizal, Saedah, Radzuan, Husaina & Shahril (2013) dan Jiali et al., (2019). Namun begitu, agak kurang kajian yang dijalankan megenai Standard dan Amalan Kualiti Pendidikan dalam konteks Sekolah Amanah dalam negara. Terdapat sebilangan kecil sahaja kajian yang dijalankan tentang Sekolah Amanah di antaranya oleh Muhd Afiq & Mohd Izhan (2016) dan Ravi, Amalina, Nurfazlina & Siti Hashidah (2016). Justeru itu, perkara ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang fokus (Miles, 2017) yang perlu dikaji dan ditambah baik selaras dengan matlamat PPPM 2013-2025.

Umumnya, kajian ini bertujuan untuk menyelesaikan beberapa masalah

teoritikal yang berkaitan dengan amalan pengurusan Standard Amalan Sekolah Amanah, motivasi guru, dan tahap penguasaan murid. Beberapa masalah teoritikal yang ingin diselesaikan adalah:

1. Pengaruh Standard Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru. Kajian ini ingin mengkaji bagaimana penerapan Standard Amalan Sekolah Amanah memberi pengaruh terhadap motivasi guru. Dengan memahami bagaimana amalan pengurusan yang praktikal dan berkesan dapat diterapkan di Sekolah Amanah, diharapkan kajian ini boleh dijadikan penanda aras tentang faktor motivasi guru yang perlu dititikberatkan bagi meningkatkan akauntabiliti guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.
2. Pengaruh Standard Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid. Selain melihat pengaruhnya terhadap motivasi guru, kajian ini juga ingin menilai bagaimana Standard Amalan Sekolah Amanah dapat mempengaruhi tahap penguasaan murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini berusaha untuk



menilai keberkesanan amalan pengurusan ini dalam meningkatkan pencapaian akademik dan prestasi murid di Sekolah Amanah

3. Dimensi-dimensi motivasi yang mempengaruhi prestasi dan penglibatan guru. Kajian ini menggunakan teori Herzberg untuk menganalisis faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi prestasi guru. Dengan itu, kajian ini boleh memahami bagaimana faktor penghargaan, tugas, perkembangan profesional, tanggungjawab, pencapaian dan faktor kepuasan dapat diperbaiki dan ditambahbaik agar motivasi guru boleh dioptimumkan.
4. Hubungan antara amalan pengurusan dan motivasi guru serta tahap penguasaan murid. Kajian ini menggunakan Teori Penetapan Matlamat untuk menganalisis dan mengetahui bagaimana penetapan matlamat yang jelas dapat meningkatkan pencapaian dan tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah.

Dengan menggabungkan tiga kerangka teori ini (Teori Sistem, Teori Herzberg

dan Teori Penetapan Matlamat), kajian ini berharap dapat memberikan gambaran yang komprehensif tentang hubungan antara Standard Amalan Sekolah Amanah, motivasi guru dan tahap penguasaan murid di kluster Sekolah Amanah di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu dalam meningkatkan amalan pengurusan sekolah yang lebih berkesan, motivasi guru, dan tahap penguasaan murid.

Berdasarkan permasalahan yang diketengahkan di atas, penyelidik cuba memenuhi lompong yang terdapat dalam kajian-kajian lepas. Kajian ini melihat kepada aspek pengaruh pelaksanaan amalan dimensi-dimensi Standard Dan Amalan Sekolah Amanah iaitu membangunkan kepimpinan dan pengurusan berkualiti tinggi, menambah baik kualiti pembelajaran dan pengajaran, memaksimumkan potensi dan pencapaian murid serta mengukuhkan penglibatan ibubapa, komuniti dan pihak berkepentingan terhadap tahap penguasaan dan motivasi guru.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti tahap pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah di Sekolah Amanah di Malaysia.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah di Malaysia.
- 1.4.3 Mengenal pasti tahap motivasi guru di Sekolah Amanah di Malaysia.
- 1.4.4 Mengukur pengaruh pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid.
- 1.4.5 Mengukur pengaruh pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah terhadap motivasi guru.
- 1.4.6 Mengenal pasti kesan perantaraan motivasi guru dalam hubungan antara Standard dan Amalan Sekolah Amanah dan tahap penguasaan murid.

1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Apakah tahap pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah di Sekolah Amanah di Malaysia?
- 1.5.2 Apakah tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah di Malaysia?
- 1.5.3 Apakah tahap motivasi guru di Sekolah Amanah di Malaysia?
- 1.5.4 Adakah pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah mempengaruhi tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah di Malaysia?
- 1.5.5 Adakah pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah mempengaruhi motivasi guru di Sekolah Amanah di Malaysia?





- 1.5.6 Adakah terdapat kesan perantaraan motivasi guru dalam hubungan antara Standard dan Amalan Sekolah Amanah di Malaysia dan tahap penguasaan murid?

1.6 Hipotesis Kajian

H1 : Pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah di Malaysia mempengaruhi tahap penguasaan murid di Sekolah Amanah di Malaysia.

H2 : Pelaksanaan Standard dan Amalan Sekolah Amanah di Malaysia mempengaruhi motivasi guru di Sekolah Amanah di Malaysia.

H3 : Terdapat kesan perantaraan motivasi guru dalam hubungan antara Standard dan Amalan Sekolah Amanah dan tahap penguasaan murid.




1.7 Kerangka Teori Kajian

Secara teoritikal, penyelidikan ini memilih teori-teori berikut :

- i. Teori Sistem oleh Ludwig Von Bertalanffy (1968) yang mendasari boleh ubah Standard Dan Amalan Sekolah Amanah
- ii. Teori Penetapan Matlamat oleh Edwin A.Locke (1968) untuk tahap penguasaan murid
- iii. Teori Motivasi oleh Herzberg (1959) sebagai sandaran untuk motivasi guru.



1.8 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.5. Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kepada tiga konstruk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.4. iaitu :

- i) Konstruk Bebas : Standard dan Amalan Sekolah Amanah yang diukur melalui 4 indikator iaitu Kepimpinan, Pengajaran dan Pembelajaran, Potensi dan Pencapaian Murid serta Penglibatan Ibu Bapa dan Pihak Berkepentingan.
- ii) Konstruk Perantara (Mediator) : Motivasi yang diukur menggunakan enam indikator iaitu Penghargaan, Tugasan, Pencapaian, Perkembangan Profesional, Tanggungjawab dan Faktor Kepuasan.
- iii) Konstruk Bersandar : Tahap penguasaan yang diukur menerusi lima aspek dalam PBD (Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah).

1.9 Kepentingan Kajian

- a. Adalah diharapkan agar kajian ini boleh memberi input yang realistik kepada Kementerian Pendidikan tentang situasi sebenar yang berlaku di Sekolah Amanah agar penambahanbaikan boleh dibuat terhadap program ini dengan memberi penekanan kepada aspek tahap penguasaan murid di samping mengambil kira faktor emosi guru sebagai pelaksana dasar.
- b. Kajian ini dapat menambah literatur yang memberi fokus terhadap pengaruh pelaksanaan Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap tahap penguasaan murid dan motivasi guru Sekolah Amanah. Selain daripada itu, diharapkan kajian ini juga dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dalam bidang yang dikaji kerana kajian tentang Standard Dan Amalan Sekolah Amanah dalam konteks Sekolah Amanah agak terhad pencarian literaturnya dalam skop pendidikan di Malaysia dan di luar negara.



- c. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengetahuan kepada warga pendidik khususnya golongan pentadbir dalam menyusun dan menambahbaik strategi pentadbiran dalam memacu sekolah ke arah pembelajaran abad ke 21.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan Sekolah Amanah kategori sekolah rendah sahaja. Untuk tujuan kajian hanya Sekolah Amanah kohort 2016 sahaja yang dipilih. Sekolah-sekolah tersebut terdiri dari Sekolah Amanah yang berada di negeri Perak, Selangor, Trengganu, Kelantan dan Sarawak sahaja. Sementara itu, bagi tujuan analisis, hanya guru-guru sahaja yang akan dilibatkan. Justeru, hasil kajian ini tidak menggambarkan pandangan warga guru Sekolah Amanah seluruhnya.



Selain daripada itu, aspek kemenjadian yang akan dikaji adalah aspek tahap penguasaan murid sahaja. Aspek lain iaitu kemenjadian sahsiah serta kemenjadian kurikulum tidak akan dikaji kerana terdapat beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan seperti faktor kerahsiaan data dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini tidak mengukur kemajuan murid secara holistik.

Kajian ini tertumpu kepada tiga bidang utama iaitu Standard Dan Amalan Sekolah Amanah, tahap penguasaan dan faktor motivasi sebagai perantara. Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu membangun kepimpinan dan pengurusan berkualiti tinggi, menambahbaik kualiti pembelajaran dan pengajaran, memaksimumkan potensi dan pencapaian murid serta mengukuhkan





penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan lain. Manakala faktor motivasi pula meliputi beberapa dimensi iaitu penghargaan, tugas, pencapaian, perkembangan professional, tanggungjawab dan faktor kepuasan. Tahap penguasaan pula memberi fokus terhadap Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Standard dan Amalan Sekolah Amanah

Standard dan Amalan Sekolah Amanah merujuk kepada satu set kriteria dan deskriptor yang menentukan tahap pencapaian dan keberkesanan yang diharapkan oleh sekolah.

Ini bertujuan untuk memastikan sekolah mencapai standard yang ditetapkan. Standard dan Amalan Sekolah Amanah memberi penekanan kepada empat matlamat strategik utama, iaitu pembangunan kepimpinan pengurusan berkualiti tinggi, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memaksimumkan potensi dan pencapaian murid, serta memperkuatkan penglibatan ibu bapa, komuniti, dan pihak berkepentingan lain.

Standard dan Amalan Sekolah Amanah juga berkait rapat dengan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Terdapat empat daripada lima standard SKPMg2 yang juga terdapat dalam Standard dan Amalan Sekolah Amanah (BPSH, 2020).



1.11.1.1 Membangunkan Kepimpinan dan Pengurusan Berkualiti Tinggi

Pentadbir sekolah dibimbing dengan kursus pembelajaran dan pembangunan profesional secara konsisten, dan menggunakan pembelajaran baharu ini dalam tugas harian mereka. Selain daripada itu, pentadbir juga dibimbing agar dapat merancang kewangan mereka berdasarkan matlamat strategik dan melaksanakan sistem pengurusan prestasi untuk memantau perkembangan individu dan prestasi semua kakitangan. Dibawah standard ini, terdapat 6 indikator standard yang dipraktiskan di Sekolah Amanah iaitu perancangan penambahbaikan sekolah dan penilaian kendiri dipantau dan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan proses transformasi dilaksanakan secara berterusan dan efektif, pengagihan kepimpinan yang efektif berteraskan nilai yang meluas wujud di setiap peringkat di sekolah mengamalkan pelbagai gaya kepimpinan yang sesuai, barisan SLT terlibat secara aktif dalam pembelajaran profesional yang menggabungkan pembelajaran baharu dengan amalan sedia ada, perancangan kewangan sekolah berkait dengan objektif strategik melalui proses intergrasi belanjawan (*integrated budgeting process*),

1.11.1.2 Menambahbaik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

Guru-guru didedahkan dengan kaedah dan teknik baharu untuk menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih menarik dan menyeronokkan serta menggalakkan murid untuk menjadi lebih aktif dan bekerjasama semasa PdPc. Mereka juga diajar cara-cara berkesan untuk mewujudkan persekitaran yang positif, selamat dan lebih



kondusif untuk pembelajaran. Dibawah standard ini, terdapat 5 indikator standard yang dipraktiskan di Sekolah Amanah

1.11.1.3 Memaksimumkan Potensi dan Pencapaian Murid

Sekolah mewujudkan rangka kerja berkesan yang menyokong pembangunan holistik murid. Aktiviti-aktiviti untuk membantu murid membangunkan nilai dan sikap positif dengan memberi penekanan kepada pencapaian aspirasi murid juga dijalankan. Dibawah standard ini, terdapat 6 indikator standard yang dipraktiskan di Sekolah Amanah.



1.11.1.4 Mengukuhkan Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti & Pihak Berkepentingan

Matlamat strategik keempat adalah pihak sekolah secara aktif melibatkan diri dengan ibu bapa, memaklumkan kepada mereka mengenai perkembangan anak-anak dan kerap menjemput mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Sekolah juga perlu kerap mendekati komuniti dan institusi berhampiran untuk melibatkan mereka dalam program-program sekolah. Dibawah standard ini, terdapat 3 indikator standard yang dipraktiskan di Sekolah Amanah



1.11.2 Tahap penguasaan Murid

Tahap Penguasaan Murid merujuk kepada pernyataan pencapaian murid yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Terdapat enam Tahap Penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki dan digunakan untuk tujuan rujukan pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru perlu menyelesaikan PdP bagi satu kelompok bidang, tema atau kemahiran dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sebelum menentukan tahap penguasaan murid. PdP guru berdasarkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran manakala Standard Prestasi merupakan indikator kepada tahap penguasaan murid. Enam tahap penguasaan yang dicadangkan dalam DSKP ini ditafsir secara generik dalam mata pelajaran sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran secara holistik tentang pencapaian murid. Tahap penguasaan minimum bagi semua mata pelajaran ditetapkan pada Tahap Penguasaan 3 (TP3). Pada tahap ini murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran. Semua murid perlu dibimbing dan diberi peluang untuk mencapai sekurang-kurangnya TP3. Walau bagaimanapun, tidak semua murid berupaya mencapai tahap minimum ini kerana potensi individu adalah berbeza. Masih ada yang berada pada TP 1 dan TP2 (peringkat asas). Justeru itu, guru perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu murid meningkatkan tahap penguasaan masing-masing. Guru juga perlu membuat perancangan untuk mengembangkan potensi semua murid bagi mencapai Tahap Penguasaan 4 (TP4) sehingga TP6. Murid yang mencapai TP4 hingga TP6 boleh membantu murid lain dalam meningkatkan pembelajaran mereka serta menjadi contoh yang baik.



Berikut adalah kriteria penilaian murid mengikut tahap penguasaan :

- TP1 – Tahu : Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara asas.
- TP2 – Tahu dan Faham : Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam pelbagai bentuk komunikasi.
- TP3 – Tahu, Faham dan Boleh Buat : Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
- TP4 – Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab : Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik.
- TP5 – Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji : Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi abharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekal dan bersikap positif.
- TP6 – Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali : Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi.





1.11.3 Motivasi Guru

Motivasi adalah penggerak yang mendorong seseorang itu melakukan sesuatu dengan rela. Kajian ini menggunakan teori motivasi Herzberg. Teori motivasi Herzberg, juga dikenali sebagai Teori Dua Keperluan yang merupakan teori motivasi yang sesuai untuk mengukur motivasi guru di Sekolah Amanah. Teori ini mempunyai dua faktor utama yang mempengaruhi motivasi iaitu faktor kepuasan (*motivation*) dan faktor ketidakpuasan (*hygiene factor*). Faktor kepuasan merujuk kepada aspek-aspek kerja yang memberi kepuasan kepada individu, seperti pencapaian, pengiktirafan, tanggungjawab, dan perkembangan profesional. Sementara itu, faktor ketidakpuasan merujuk kepada aspek-aspek yang menyebabkan ketidakpuasan intrinsik seperti pentadbiran, hubungan dengan rakan sekerja, persekitaran, gaji dan penyeliaan.



Penerapan teori motivasi Herzberg dalam konteks Sekolah Amanah ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru-guru Sekolah Amanah. Dengan mengukur faktor-faktor kepuasan dan ketidakpuasan yang spesifik untuk guru-guru di Sekolah Amanah, pihak pengurusan sekolah dapat mengidentifikasi aspek-aspek tertentu yang berpotensi meningkatkan motivasi mereka. Dengan menerapkan prinsip-prinsip teori motivasi Herzberg juga, Sekolah Amanah dapat mencipta lingkungan kerja yang memotivasikan dan meningkatkan kualiti kerja guru dan seterusnya meningkatkan prestasi murid dan reputasi Sekolah Amanah.





1.12 Rumusan

Di dalam bab ini telah dinyatakan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional berkaitan kajian yang dijalankan. Melalui kajian ini, penyelidik ingin melihat hubungan serta pengaruh pemboleh ubah bebas, Standard Dan Amalan Sekolah Amanah terhadap pemboleh ubah bersandar, tahap penguasaan dan pemboleh ubah perantara iaitu motivasi.

